

22.2.2021_Berita Harian_MOSTI_KPM Perinci Guru Berisiko Tinggi disuntik

KPM perinci guru berisiko tinggi disuntik

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan (KPM) akan memperincikan penerima vaksin daripada kumpulan guru yang berisiko tinggi mendapat jangkitan COVID-19.

Menurutnya, Datuk Dr Radzi Jidin, berkata perincian itu akan ditentukan bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Kementerian Kesihatan (KKM).

"Sebentar tadi YB Menteri

MOSTI (Khairy Jamaluddin) menyatakan guru berisiko tinggi mengalami kesan negatif daripada jangkitan COVID-19 adalah antara penerima vaksin dalam fasa pertama Program Imunisasi COVID-19. Ketangguhan bersama-sama petugas barisan hadapan lain.

"Permohonan KPM supaya kumpulan ini diberi keutamaan dalam fasa pertama disambut baik oleh MOSTI dan KKM.

KPM bersama-sama MOSTI dan KKM akan terus memperincikan perkara ini," katanya dalam satu kenyataan di Facebook belum semalam.

Sementara itu, pada sidang media semalam, Khairy menjelaskan kerajaan menerima banyak permohonan daripada pelbagai pihak, termasuk guru untuk mendapatkan vaksin menerusi fasa pertama berikutnya. KPM membuka semua sekolah pada 1

Mac ini.

Katauya, kerajaan sudah menetapkan bahawa fasa pertama penyeriman satu juta dos vaksin akan dilakukan kepada 500,000 anggota barisan hadapan sama ada petugas kesihatan atau bukan petugas kesihatan.

"Saya bincang dengan Ketua Pengarah Kesihatan (Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah) tadi (semalam) dan bawa dalam jawatankuasa dipengerusikan saya dan

(Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba) minggu depan.

"Saya akan minta Menteri Pendidikan untuk memberi kami senarai guru dengan komorbidi untuk dimasukkan dalam penyeriman fasa pertama. Ya, kita cuba untuk agih kepada guru untuk fasa pertama, kita beri tetapi bergantung kepada penilaian risiko. Kami tidak dapat memberi vaksin kepada semua guru sekali gus," katanya.